

Terbitan : Dewan Ekonomi | Info Cukai
Keluaran : Februari 2026
Tajuk : Sistem Taksir Sendiri Duti Setem – Reformasi Struktur ke Arah Pentadbiran Fiskal Moden

Info Cukai

Oleh: HASIL

Sistem Taksir Sendiri Duti Setem Reformasi Struktur ke Arah Pentadbiran Fiskal Moden



Dalam landskap ekonomi global yang dipacu oleh kelajuan, ketelusan dan kecekapan, sistem pentadbiran cukai tidak lagi boleh bergantung pada kaedah tradisional yang memakan masa dan kos yang tinggi. Keupayaan sesebuah negara untuk memudah cara urus niaga perniagaan dan pelaburan menjadi penanda aras penting kepada daya saing ekonomi dan tahap keyakinan pelabur. Dalam konteks ini, pembaharuan institusi yang menyokong urus niaga pantas, telus dan berintegriti semakin menjadi keutamaan dasar awam.

Seiring dengan keperluan tersebut, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) memperkenalkan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS) sebagai satu anjakan struktur dalam pengurusan duti setem negara. Pelaksanaan sistem ini menandakan peralihan daripada pendekatan penilaian manual oleh Pemungut Duti Setem menerusi STAMPS kepada model taksiran sendiri berasaskan teknologi digital. Pendekatan baharu ini dijangka mempercepat proses penyeteman, meningkatkan pematuhan sukarela dan memperkukuh ketelusan pentadbiran fiskal.

Lebih daripada sekadar penambahbaikan operasi, STSDS mencerminkan hala tuju baharu tadbir urus fiskal Malaysia yang selari dengan agenda pendigitalan nasional. Inisiatif ini turut menyokong aspirasi kerajaan untuk membentuk ekosistem perniagaan yang lebih cekap, responsif dan mesra pelabur dalam persekitaran ekonomi yang semakin kompetitif.

Pelaksanaan Berperingkat dan Reka Bentuk Sistem

Bagi memastikan peralihan yang terancang dan terkawal, pelaksanaan STSDS dilakukan secara berfasa bermula 1 Januari 2026. Seiring dengan pengenalan sistem baharu tersebut, sistem STAMPS ditamatkan sepenuhnya pada 31 Disember 2025, manakala semua urusan penyeteman kini dipusatkan melalui sistem e-Duti Setem dalam portal MyTax.

Pendekatan berfasa ini mencerminkan prinsip pengurusan perubahan yang pragmatik. Fasa pertama yang bermula pada 1 Januari 2026 melibatkan surat cara sewa atau pajakan, instrumen sekuriti dan penyeteman am. Fasa kedua pula yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2027 merangkumi pindah milik harta tanah yang tidak memerlukan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Seterusnya, fasa ketiga yang dijadualkan bermula pada 1 Januari 2028 akan meliputi kategori surat cara lain selain yang dimaklumkan dalam dua fasa terdahulu.

Dari segi reka bentuk, STSDS memberikan penekanan kepada konsep taksiran sendiri apabila pembayar duti atau ejen yang dilantik bertanggungjawab menaksir sendiri duti setem berdasarkan surat cara yang dikemukakan. Pengiraan duti dilakukan secara masa nyata berpandukan peruntukan dalam Jadual Pertama, Akta Setem 1949. Pendekatan ini mengurangkan kebergantungan pada penilaian manual, sekali gus mempercepat keseluruhan kitaran penyeteman.

Pendigitalan Proses dan Pengalaman Pengguna

Melalui STSDS, keseluruhan proses penyeteman dilaksanakan secara digital melalui portal MyTax.

Pendigitalan ini bukan sahaja mengurangkan keperluan interaksi fizikal, malah meningkatkan kecekapan pemrosesan dan kebolehpakaian sistem kepada pelbagai kategori pengguna.

Proses penyeteman bermula dengan log masuk dalam portal MyTax menggunakan pengenalan individu. Bagi pembayar duti yang belum mempunyai Nombor Pengenalan Cukai (TIN), pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui kemudahan e-Daftar. Pembayar duti seterusnya perlu melengkapkan Borang Nyata Duti Setem (BNDS) yang berkaitan dengannya, mengisi maklumat surat cara dan memuat naik dokumen sokongan yang diperlukan.

Selepas maklumat dihantar, sistem akan menentukan kadar duti setem secara automatik dan memaparkannya secara masa nyata. Pembayaran perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan sebelum Sijil Duti Setem dijana secara digital sebagai bukti bahawa proses penyeteman telah disempurnakan. Semua dokumen dan rekod berkaitan dengannya hendaklah disimpan selama tujuh tahun selaras dengan keperluan perundangan dan tujuan audit.

Bagi menyokong fasa peralihan, sistem e-Duti Setem dibuka untuk akses awal bermula 17 Disember 2025 bagi membolehkan pengguna menjalankan pengujian dan membuat persediaan sebelum sistem lama ditamatkan sepenuhnya. Sokongan teknikal turut disediakan melalui HASiL Contact Centre (HCC) dan perkhidmatan Sembang Langsung (Live Chat) bagi membantu pengguna menangani sebarang isu teknikal atau pertanyaan berkaitan dengan pelaksanaan sistem baharu tersebut.

Pendekatan Pematuhan Berperingkat dan Tadbir Urus Risiko

Satu daripada elemen penting dalam pelaksanaan STSDS ialah pendekatan pematuhan yang bersifat membimbing, khususnya dalam fasa awal pelaksanaan. Bagi tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026, HASiL menyediakan konsesi khas tanpa penalti terhadap kesalahan pengemukaan BNDS yang tidak tepat atau maklumat yang tidak lengkap, termasuk kes yang dikesan melalui audit.

Langkah ini mencerminkan peralihan dasar daripada pendekatan penguatkuasaan semata-mata kepada konsep pematuhan sukarela yang berasaskan pendidikan, bimbingan dan peningkatan kesedaran pembayar duti. Walaupun pendekatan yang lebih anjal diterapkan, elemen kawalan tetap dikekalkan melalui pelaksanaan audit berasaskan risiko bagi memastikan integriti, ketelusan dan keadilan sistem sentiasa terpelihara.

Dalam jangka masa panjang, STSDS mewujudkan keseimbangan antara fleksibiliti kepada pembayar duti dengan keperluan tadbir urus fiskal negara. Pembayar duti diberi ruang untuk membuat taksiran sendiri berdasarkan maklumat dan nilai pasaran yang munasabah, manakala pihak berkuasa mengekalkan hak untuk menjalankan semakan dan tindakan susulan sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau ketidakselarasan maklumat.

Implikasi terhadap Ekosistem Perniagaan dan Pelaburan

Dari sudut ekonomi, pelaksanaan STSDS berpotensi memberikan kesan yang meluas terhadap ekosistem perniagaan dan pelaburan negara. Proses penyyetaman yang lebih pantas mempercepat kelulusan dokumen penting seperti perjanjian sewa, pemindahan saham dan pelbagai instrumen kewangan, sekali gus mengurangkan kos pematuhan, tempoh menunggu dan beban pentadbiran.

Tahap kecekapan yang lebih tinggi membolehkan perniagaan menumpukan sumber kepada aktiviti bernilai tambah berbanding dengan terikat pada proses birokrasi tradisional yang mengambil masa. Bagi pelabur, khususnya pelabur asing, sistem penysetaman yang cekap dan telus menjadi antara faktor utama dalam menilai kemudahan menjalankan perniagaan di sesebuah negara.

Selaras dengan agenda pendigitalan nasional, STSDS dijangka terus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang progresif dan berdaya saing pada peringkat serantau. Keupayaan memproses urus niaga secara pantas tanpa kebergantungan pada notis taksiran fizikal memberikan kelebihan strategik dalam menarik pelaburan berkualiti tinggi.

Ketelusan, Kepercayaan dan Reformasi Institusi

Pendigitalan menyeluruh melalui STSDS meningkatkan tahap ketelusan dalam pentadbiran duti setem menerusi penggunaan rekod digital automatik, jejak audit yang jelas dan pengesahan transaksi secara segera. Pendekatan ini mengurangkan risiko ketidakselarasan maklumat dan salah guna kuasa yang lazim dikaitkan dengan proses manual.

Pada masa yang sama, sistem ini menyokong prinsip keadilan dan akauntabiliti melalui pelaksanaan audit berasaskan risiko dan penggunaan data digital secara bersepadu. Pelaksanaan STSDS turut selaras dengan peruntukan dan pindaan di bawah Akta Setem 1949, selain menyokong visi kerajaan untuk membangunkan pentadbiran cukai yang moden, telus dan berintegriti.

Anjakan Paradigma Pentadbiran Duti Setem

Secara keseluruhannya, STSDS bukan sekadar pembaharuan teknikal, sebaliknya mencerminkan satu anjakan paradigma dalam pengurusan duti setem di Malaysia. Sistem ini memberikan kuasa kepada pembayar untuk mengurus urus niaga secara lebih pantas dan cekap, disertai dengan tanggungjawab untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang dikemukakan.

Dengan pelaksanaan berperingkat, sokongan peralihan yang menyeluruh dan pendekatan pematuhan yang realistik, STSDS berpotensi menjadi pemangkin kepada pembentukan ekosistem perniagaan yang lebih dinamik dan berdaya tahan. Dalam persekitaran ekonomi global yang semakin kompetitif, reformasi sedemikian menjadi asas penting ke arah pertumbuhan mampan dan peningkatan keyakinan pelabur terhadap kecekapan dan ketelusan sistem fiskal negara.

